

## **KDYTM TENGKU MAHKOTA PAHANG BERKENAN DAKI BUKIT KERTAU**

**MARAN, 04 MAC 2024 :** Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memulakan hari kedua Ekspedisi Mahkota dengan mendaki Bukit Kertau Chenor.

Baginda diiringi Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja, Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah serta Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB. Tuan Fadzli Mohamad Kamal ketika mendaki bukit berkenaan yang pernah menjadi pusat pemetaan negara dari tahun 1948 sehingga 1989. Bukit ini dijadikan titik asal untuk aktiviti pemetaan dan ukur di Semenanjung Malaysia, sebelum ia diganti dengan sistem *Global Positioning System (GPS)*.

Baginda berkenan menanam pokok Keruing Kertas di atas bukit tersebut dan menghabiskan kira-kira satu jam menikmati pemandangan sebelum turun dan singgah melihat sukan rakyat yang diadakan di padang Kampung Seberang Chenor. Meneruskan Ekspedisi Mahkota, Mudik Sungai Pahang 2024 hari ini baginda menaiki perahu Kajang di Jeti Chenor untuk ke Kuala Bera bagi menghadiri acara yang telah dijadualkan.

Pada hentian itu juga, baginda turut berkenan melepaskan benih ikan ke Sungai Pahang sebelum meneruskan perjalanan untuk bertemu rakyat yang setia menanti ketibaan baginda. -**PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fairus Mohd**

**Foto : Farizul Hafiz Awang & Radin Mohd Norhilmie Nordin**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



PAHANG MEDIA  
FARIZUL HAFIZ AWANG



PAHANG MEDIA  
FARIZUL HAFIZ AWANG



 PAHANG MEDIA  
FARIZUL HAFIZ AWANG